



# The Epitome

/ɪ'pɪtəmɪ/

Academy of Language Studies, UiTM Cawangan Kedah

We are back!  
Welcoming the epitome of artistic ideas &  
astonishing writers!

G  
N  
G  
Volume 1  
Issue 2

## **COPYRIGHT PAGE**

Copyright© 2023 by Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions, and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

eISSN 3009 – 0075

Published by:

UiTM Cawangan Kedah,

Pn. Razanawati Nordin, Chief Editor,

UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sg. Petani, 08400 Merbok, Kedah

Email address: razanawati@uitm.edu.my

Contact No: 044562421

Copy Editor: Ms. NurFarisyah Binti Hafiz

Graphic Designer: Mr. Mohd Hamidi Adha Mohd Amin

# APB KEDAH: THE EPITOME EDITORIAL BOARD

Advisor



Mr. Azlan Abdul Rahman

Chief Editors



Dr. Nur Syazwanie  
Mansor



Puan Razanawati  
Nordin

Managing Editors  
& Promotion



Puan Sharifah Syakila  
Syed Shaharuddin

Editor &  
Content Reviewers



Puan Hajah  
Sharina Saad



Puan Phaveena  
Primsuwan



Puan Samsiah  
Bidin



Dr. Berlian  
Nur Morat



Puan Syazliyati  
Ibrahim



Ustaz Mohd  
Zulkhairi Abd  
Hamid



Puan Noor 'Izzati  
Ahmad Shafai



Cik Lee Chai Chuen



Mr. Mohd Hamidi  
Adha Mohd Amin

Secretaries



Puan Nor Asni  
Syahriza Abu  
Hassan



Puan Mas Aida  
Abd Rahim



Puan Rafidah  
Amat



Puan Khairul Wanis  
Ahmad

Technical  
&  
Website

Graphic  
Designer



Mr. Mohd Hamidi  
Adha Mohd Amin



Cik NurFarisyah Hafiz

Copy  
Editor

## **SYNOPSIS**

The Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah is thrilled to announce the release of the second edition of its e-magazine, The Epitome. This publication exemplifies our steady dedication to fostering creativity in language and literature.

The primary objective of THE EPITOME is to offer a platform where writers, educators, scholars, poets, and researchers can come together to exchange their ideas, discoveries, expertise, and narratives. Our special focus revolves around an array of creative writing genres, encompassing Playwriting, Short stories, Songs, Speeches, Memoirs, Literary Journalism, Humour writing, Lyric essays, Innovative essays, and Personal essays, with a goal to embrace diverse linguistic expressions, with content available in four languages: English, Bahasa Melayu, Mandarin, and Arabic.

<b>S</b>	<b>The Fat Barbie</b> By: Syaza Kamarudin Universiti Teknologi Mara, UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah	42
<b>M</b>	<b>Mind</b> By: Wardah Ismail Academy of Language Studies, UiTM Shah Alam	44
<b>T</b>	<b>Memoir of a Chained Dog</b> By: Afifah Fadhlullah Academy of Language Studies, UiTM Melaka	46
<b>B</b>	<b>Bulan Penuh Makna: Perjalanan Mencari Ilmu</b> By: Anis Binti Shaari UiTM Cawangan Pulau Pinang	48
<b>D</b>	<b>Dusun Abah</b> By: Dr. Arniedyantie Abdul Hadi Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan P.Pinang	51
<b>E</b>	<b>Tanah Keramat</b> By: Balkhiz Ismail Kolej Pengajian Alam Bina, Universiti Teknologi MARA (UiTM)	53
<b>F</b>	<b>My True Story: Journey of Joy and Grief: A Mother's Dream, A Daughter's Triumph</b> By: Dr. Geetha Muthusamy UiTM Kampus Bandaraya Melaka	54
<b>A</b>	<b>Capturing the Soul of Bandung: A Tapestry of Culture and Adventure Through My Lens</b> By: Fahmi Samsudin UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah	56
<b>G</b>	<b>消防战士</b> By: Boon Yih Tien Department of Food Science and Technology, Faculty of Applied Sciences, Alliance of Research & Innovation for Food (ARIF) UiTM, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,	58

# EDITORS' NOTES

*Every day is learning curves...*

Dear Readers,

We are back! We are thrilled to present a collection of articles that we believe capture the essence of the writers. Our team has worked diligently to curate content that we hope will both engage and resonate with you.

In these pages, you will find a diverse range of perspectives on life, from joy to sorrow. We hope these pieces inspire reflection and spark meaningful conversations.

We want to express our deepest gratitude to our talented contributors for their time and expertise. Their dedication is what makes the second issue of Epitome possible.

As always, we value your feedback. Please do not hesitate to reach out with your thoughts and suggestions.

Thank you for being a part of our Epitome community.

Warm regards,

**Razanawati Nordin**  
**Editor-in-Chief,**  
**The Epitome**

# Dusun Abah

**Dr. Arnieyantie Abdul Hadi**

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan P.Pinang.  
arnieyanti@uitm.edu.my

Tiga puluh tahun lalu. Matahari mula memancar indah di pagi hari Sabtu itu. Udara segar kampung masih terasa dengan pohon-pohon menghijau menenangkan mata yang memandang. Hari Sabtu adalah cuti hujung minggu. Rutin abah masuk ke kebun kecil di sebelah rumah menjelang pencennya. Hanya hujung minggu abah berkesempatan menjengah kebun pusaka. Jika hari kerja, abah sangat sibuk dengan kerja-kerja penyuntingan berita di pejabatnya.

Lengkap bertopi dan berkasut bot hitam paras betis, abah capai sebilah parang kesayangan dan sebatang cangkul yang sudah diasah petang sehari sebelum. Berkilat matanya. Aku membuntuti abah. Sambil berjalan, abah libas-libas anak-anak pokok senduduk dan kapal terbang yang mula tumbuh meliar dengan parang. Usai sampai, tanpa berlengah abah kumpul daun-daun kering, cantas ranting-ranting kering dan dikumpul di satu tempat. Abah nyalakan api dan bakar semuanya. Keringat mula membasihi muka dan baju berkebun abah. Aku meringankan tulang. Membantu sekadar kudrat anak berumur 10 tahun.

Ku tarik dahan-dahan kering yang terdaya dengan kudrat kecilku. Dalam aku terkial-kial, tangan besar abah mencapai dahan itu dan terus abah campak ke dalam api yang sedang marak membakar daun-daun dan ranting-ranting yang terkumpul. Abah melabuhkan punggung sambil mengibas nyamuk hutan yang cuba hinggap di muka. Diseka peluh yang mengalir di dahi dengan lengannya.

Tiba-tiba suara abah memecah keheningan. 'Abah dah tanam pokok buah-buah kayu di kebun kita ni. Sana, tepi pokok buluh tu abah dah semai anak pokok durian. Depan busut tu ada lagi dua pokok. Tuu, depan nak masuk kebun tu ada pokok dokong dua pohon, dokong dua tiga tahun lagi berbuah lah..' Aku hanya mengangguk 'ooo' Abah sambung lagi, ' abah tak de harta nak bagi anak-anak abah, tapi pokok-pokok buah ni aje lah abah mampu. Balik lah bila-bila. Makan sama-sama adik beradik. Jangan beli. Kita ada hasil dusun. Bila abah dah tak ada nanti, hidup lah baik-baik. Jangan bergaduh'

Dan ucapan itu abah ulang banyak kali selepas itu. Setiap kali teman abah masuk kebun, itu lah ucapan yang biasa disebut. Umpama satu wasiat tak bertulis. Dusun abah tak ada lah besar mana. Tidak sampai seekar pun. Tetapi abah sudah semai bermacam-macam jenis pokok buah-buahan khas untuk puteri-puteri abah berenam ini. Ada juga pokok yang memang sudah ditanam oleh arwah Tok Cik Pa, datuk kami. Ada manggis, beberapa jenis rambutan, durian, rambai, duku, dokong dan belimbing buluh. Bila hari beransur petang, menjadi satu kepuasan kepada abah apabila dusun kecilnya nampak bersih. Kalau sudah selesai kerja-kerja kebunnya, abah akan berehat di tangga rumah dahulu.




Biar peluh kering katanya. Mami sudah siap-siap menyediakan air sirap sejuk di atas tangga rumah. Segar sungguh rasanya dapat minum air sirap ros yang mami bencuh. Jika ada rezeki lebih, mami buat cekodok pisang. Sewaktu kecil dahulu apa saja makanan yang tidak sedap. Semuanya enak dan sekejap sahaja semuanya licin. Lagi-lagi jika makan beramai-ramai dengan adik beradik.

Aku masih ingat, ketika itu aku sudah mula bekerja kerja pertamaku selepas bergraduat. Pekerjaan dengan gaji rm900 di kotaraya sesungguhnya tidak mencukupi. Oleh itu, aku menumpang sementara waktu di rumah kakak yang sulung. Apabila musim buah-buahan tiba, anak-anak tidak dapat pulang menjengah dusun abah lantaran masing-masing sibuk dengan tugas. Abah gigih memetik rambutan dan dokong. Diletak ke dalam kotak, disil dengan pita pelekat dan diikat lagi dengan tali rafia agar kotak tidak terbuka dan buah-buah di dalamnya selamat tidak rosak. Abah beli tiket bas Express Mutiara dan turun di Stesen Green Wood, Gombak.

Sanggup abah naik bas express berjam-jam semata-mata ingin menghantar buah-buahan dari dusun dia untuk anak-anak rasa. Masih aku ingat, bila sampai sahaja di rumah kakak, abah terus membuka kotak dan apabila kami mengambil dan memakan buah-buahan itu, abah sengih sehingga nampak gigi kapak putih abah. Tanda dia puas dapat memberi anak-anak makan hasil dari dusunnya. Lagi pun, abah selalu berpesan jangan dibeli buah-buahan itu. Kita ada dusun. Ambil lah hasil dari dusun kita.

Itu cerita dulu. Kini, dusun abah hanya tinggal kenangan. Maafkan kami abah. Sesungguhnya hati anak-anak abah ini lembut. Mungkin kerana kami telah dididik untuk sentiasa berbuat baik kepada orang. Sentiasa menghormati yang lebih tua. Dan kata-kata abah yang paling kami ingat, biarlah orang buat kita tetapi jangan sekali-kali kita buat orang. Mungkin kerana kata-kata keramat itu, kami kalah dengan drama linangan airmata dan kerana itu kami didustai untuk bersetuju dengan wasiat lisan tanpa saksi yang jelas. Dusun yang dulunya dibela hasil titik peluh abah telah gagal kami pertahankan. Abah, sesungguhnya kami rindu rasa buah-buahan dari dusun abah. Kami tahu abah marah kami membeli buah-buahan itu. Tetapi kami sudah kehilangan dusun abah. Walau semalah mana durian itu, semanis mana manggis dan dokong itu, yang pasti rasanya tak akan sama dengan hasil dusun kecil abah.





# The **Epitome** [ɪ'pɪtəmi]

Academy of Language Studies, UiTM Cawangan Kedah

ISSN 3009-0075

9 773009 007004